

Buletin JAKRAB

RAKAN PEMBIMBING PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERTANIAN MALAYSIA



2018



PERTANYAAN & CADANGAN

Urusetia AKRAB

Bahagian Pembangunan Sumber Manusia
Jabatan Pertanian Putrajaya
Aras13, No.30, Persiaran Perdana, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62624 Putrajaya

Tel : 03-8870 3028 / 3257 / 3255

akrabjp@doa.gov.my



"Sebaik baik sahabat disisi Allah ialah orang yang terbaik terhadap temannya dan sebaik baik jiran disisi Allah ialah orang yang terbaik terhadap jirannya"

(H.R al-Hakim)

Kandungan

Mukasurat

Perutusan Penaung	2
Kata Aluan Penasihat	3
Kata Aluan Pengerusi	3
Carta Organisasi Jawatankuasa AKRAB 2018/2019	4
Berita AKRAB	
• Merekрут AKRAB Baru Jabatan Pertanian	5
• Majlis AKRAB bersama Ketua Pengarah Pertanian	6
• Seminar Psikologi Jabatan Pertanian (Ebit Liew)	7
• AKRAB MOA Merentas Kementerian	8
• AKRAB DOA dalam Program Jati Diri	9
CSR	
i. CSR kepada Warga DOA	10
ii. CAKNA AKRAB Johor	11
Artikel	
• Terapi Urutan <i>STRESS</i>	12
• Offer daripada Allah	13
• Letih? Jangan Memandu	14
• Hati-Hati Kawan	15
Sekalung Tahniah :	
• Rakan AKRAB yang mendapat Kenaikan Pangkat	16
• Anugerah AKRAB CEMERLANG	17
• Penglibatan secara langsung dalam sambutan MAHA 2018	18
Senarai Ahli AKRAB Jabatan Pertanian 2018	19

Perufusan Penaung

Assalamualaikum WBT.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat, keizinan dengan perkenanNya, Buletin AKRAB tahun 2018 berjaya diterbitkan. Terlebih dahulu, saya ucapkan syabas dan tahniah kepada ahli Jawatankuasa AKRAB di atas segala kerjasama dalam menyusun, menyunting dan seterusnya menerbitkan Buletin AKRAB ini.

Saya melihat tahun 2018 merupakan tahun di mana AKRAB Jabatan Pertanian telah mengekalkan tahap proaktif dalam melaksanakan sesuatu perancangan dan aktiviti. Ini terbukti apabila Jabatan Pertanian merupakan antara agensi di bawah Kementerian Pertanian yang telah berjaya menerima anugerah AKRAB CEMERLANG bagi Naziran Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani 2018.

Sebagai Penaung jawatankuasa ini, saya berharap Program memperkasakan ahli AKRAB Jabatan Pertanian terus dilaksanakan dari semasa ke semasa bagi meningkatkan tahap profesionalisme ahli AKRAB.

Pada masa akan datang, saya ingin melihat peranan AKRAB dalam perspektif yang lebih besar iaitu dapat membantu pihak Pengurusan membentuk kelompok pekerja yang mempunyai komitmen yang tinggi terhadap tugas dan organisasi.

Akhir sekali, ribuan terima kasih juga kepada Encik Johari bin Abdullah yang bertindak sebagai Pengerusi Jawatankuasa AKRAB kerana telah bertungkus lumus memastikan segala urusan dan aktiviti dapat diuruskan dengan baik. Ini adalah berkat daripada Allah dan hasil kerjasama serta komitmen tinggi dalam kalangan ahli AKRAB.

Sekian Terima Kasih

Dato' Jamal Harizan bin Yang Razali
Penaung Jawatankuasa AKRAB
Jabatan Pertanian Malaysia

Kata Aluan Penasihat

Assalamualaikum WBT.

Marilah sama-sama kita merafak kesyukuran kehadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya kita masih lagi berdiri teguh dan mampu terus memberi sumbangan kepada masyarakat. Saya juga merasa bersyukur kerana AKRAB Jabatan Pertanian telah berjaya melaksanakan aktiviti yang telah dirancang sepanjang tahun 2018 ini.

Berita-berita yang akan dipaparkan dalam buletin keluaran kali ini jelas akan membuktikan kepada kita semua bahawa Rakan AKRAB wujud dalam Keluarga Jabatan Pertanian. Diharapkan Buletin ini dapat memberi percambahan ilmu pengetahuan dan perkongsian pendapat antara satu sama lain.

Terima kasih diucapkan kepada semua ahli jawatankuasa dan tidak lupa kepada penulis yang telah menyumbangkan artikel berkongsi pengalaman serta menulis berita-berita sepanjang tahun 2018.

Akhir sekali, saya ingin menyeru kepada semua Rakan AKRAB agar terus memberikan perkhidmatan yang cemerlang agar kita sama-sama dapat meningkatkan nama baik jabatan serta menjadi Jabatan yang mempunyai kakitangan yang berprestasi tinggi.

Terima kasih.

Encik Sulaiman bin Hashim

Merangkap Penasihat Jawatankuasa AKRAB
Jabatan Pertanian Malaysia

Kata Aluan Pengerusi

Assalamualaikum w.b.t, salam sejahtera

Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah Kurnia-Nya Jawatankuasa AKRAB berjaya menerbitkan Buletin AKRAB 2018.

Sehingga kini, keluarga AKRAB telah mencecah seramai 43 orang. Dengan pelbagai program dan aktiviti yang telah diatur diharapkan ahli AKRAB dapat memperkaya ilmu pengetahuan khususnya dari sudut psikologi dan kaunseling.

Diharapkan Buletin ini akan terus menjadi WADAH dalam pembudayaan ilmu dengan memaparkan informasi terkini tentang AKRAB, berita-berita dan artikel-artikel berkaitan psikologi. Sedikit sebanyak sumbangan AKRAB dapat membantu pihak Pengurusan membentuk kelompok pekerja yang mempunyai komitmen yang tinggi terhadap tugas dan organisasi serta menjadi 'role model' yang boleh dicontohi.

Terima Kasih diucapkan kepada semua ahli jawatankuasa dan tidak lupa juga kepada penulis yang telah menyumbangkan artikel berkongsi pengalaman serta menulis berita-berita sepanjang tahun 2018. Diharapkan penerbitan Buletin AKRAB terus menjadi kesinambungan bagi penyampaian maklumat dan perkongsian ilmu serta usaha-usaha yang telah dilakukan AKRAB.

Sekian Terima Kasih

Encik Johari bin Abdullah

Pengerusi
Jawatankuasa AKRAB
Jabatan Pertanian Malaysia

JAWATANKUASA AKRAB

SESI 2018-2019 JABATAN PERTANIAN

PENAUNG
Dato' Jamal Harizan Bin Yang Razali
 Ketua Pengarah Pertanian

PENASIHAT
En. Sulaiman Bin Hashim
 Pengarah Bahagian
 Pembangunan Sumber Manusia

Pengerusi
Johari Abdullah
 Ketua Penolong Pengarah
 Bahagian Pengembangan Pertanian
 & Industri Asas Tani

TIMBALAN Pengerusi
Normaizah Bin Ismail@manaf,
 Bahagian Pembangunan Indutri Tanaman

PENYELARAS
Rohaizah Mohamed Nasir
 Unit Pembangunan Organisasi, BPSM

SETIAUSAHA
Herny Marini Bt Mhd Hisham
 Bahagian Pengembangan Pertanian
 & Industri Asas Tani

J/K KOMPETENSI LATIHAN
 Pengerusi : **Rosli Bin Yaacob**
 TIM. Pengerusi : **Hasnan Bin Awang**

J/K SOSIAL DAN KEROHANIAN
 Pengerusi : **Shabariah Bt Ismail**
 TIMB. Pengerusi : **Geetaa A/p Mathawan**

BENDAHARI
Che Norliza Bt Che Yusoff
 Unit Integriti



J/K PENERBITAN
 Pengerusi : **Yulfaizy Bt Mohd Yusoff**
 TIMB. Pengerusi : **Maszian Bt Dol Rosul**

J/K MEDIA SOSIAL DAN PUBLISITI
 Pengerusi : **Nor Haslina Bt Nor Rizan**
 TIMB. Pengerusi : **Nor Mah Bt Ahmad**

J/K TUGAS-TUGAS KHAS	ZON TIMUR :	Nik Mohd Haizul Bin Nik Supian Zulkifli Bin Yunus
ZON UTARA :	Abdul Hamid Bin Tahir	
ZON TENGAH :	Norasid Bin Othman	
ZON SELATAN :	Zaza Izlin Bt Mohd Razif & Mohd Zahid Bin Hassan	

MEREKRUT AKRAB BARU

JABATAN PERTANIAN

KRITERIA YANG PALING SESUAI

1. Berminat dengan tugas membimbing dan sanggup menghadiri kursus berkaitan kaunseling;
2. Mempunyai ketahanan diri yang tinggi;
3. Kebolehan menilai dan menghayati perasaan orang lain;
4. Menunjukkan kebolehan menjadi pendengar yang baik dan mempunyai sifat empati;
5. Menunjukkan contoh teladan yang baik kepada rakan sekerja yang lain;
6. Menunjukkan personaliti yang menarik iaitu senang dan selesa didampingi;
7. Mempunyai kualiti keperibadian yang baik seperti berdisiplin, berintegriti, keupayaan memimpin, memiliki kemahiran berkomunikasi dan interpersonal serta bersedia melakukan kerja-kerja sukarela;
8. Mempunyai Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) yang baik;
9. Tidak mempunyai rekod tatatertib;
10. Pengalaman bekerja hendaklah sekurang-kurangnya 5 tahun; dan
11. Tempoh tamat perkhidmatan hendaklah sekurang-kurangnya 3 tahun.



PERANAN AKRAB

Membantu mewujudkan pengurusan modal insan lebih humanistik. Antara peranan lain rakan sekerja ialah :

- a. Berkongsi pengalaman dan ilmu pengetahuan;
- b. Memberi sokongan kepada perubahan;
- c. Menjadi agen transformasi perkhidmatan awam;
- d. Memberi motivasi untuk mengekalkan perubahan;
- e. Menjadi pembimbing kehidupan berkerjaya;
- f. Menggalakkan budaya kerja berpasukan; dan
- g. Menerapkan nilai-nilai kesukarelaan dan empati.

Program Pra AKRAB merujuk kepada Program Pembangunan Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam iaitu modul latihan yang bertujuan melatih peserta membantu rakan sekerja dengan menggunakan kemahiran psikologi dan elemen kaunseling serta lulus penilaian akhir yang ditetapkan. Matlamat utama program ini adalah untuk memberi pendedahan serta latihan kemahiran asas dalam bidang bimbingan dan kaunseling bagi membolehkan peserta ditauliahkan sebagai Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

AKRAB Jabatan Pertanian telah mempunyai seramai 43 orang terdiri daripada 23 orang pegawai Persekutuan dan 20 orang pegawai lantikan Negeri. Justeru bagi memenuhi nisbah 1:100 bagi seorang AKRAB berbanding 100 orang pegawai di Jabatan. Seramai 18 pegawai yang dicalonkan telah berjaya menamatkan Program Pra AKRAB Tahap I dan Tahap II setelah lulus ujian penilaian.



MAJLIS AKRAB

BERSAMA KETUA PENGARAH PERTANIAN

AKRAB berkesempatan untuk mengadakan kunjung hormat bersama Dato' Jamal Harizan bin Yang Razali Ketua Pengarah Pertanian Malaysia pada 31 Oktober 2018 di Bilik Banquet Aras 16 Jabatan Pertanian Putrajaya.

Antara harapan Dato' Ketua Pengarah Pertanian adalah supaya penyeliaan berterusan kepada pegawai-pegawai Jabatan yang bermasalah, mengadakan program-program yang bermanfaat untuk warga Jabatan berkenaan beberapa

aspek yang penting seperti kaunseling dan kerohanian, isu keberhutangan tinggi di kalangan pegawai dan keburukan meminjam daripada "ahlong", isu kemurungan pekerja, isu kurangnya penghargaan kepada pekerja dan lain-lain.

AKRAB dalam usaha merancang program "sharing and caring" untuk warga Jabatan sebagai langkah pertama dalam usaha mengurangkan masalah di pejabat di kalangan pegawai Jabatan. Semoga dipermudahkan. InsyaALLAH.



SEMINAR PSIKOLOGI JABATAN PERTANIAN TAHUN 2018

“AKU ISTERI, AKU BOS: ANTARA TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB”

BERSAMA PENCERAMAH USTAZ EBIT LIEW

Diadakan di Dewan Serbaguna, Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani pada 7 Mei 2018.



AKRAB MOA

Merentas Kementerian

Penyerahan Sijil Penghargaan oleh Dato' Seri Dr. Chen Chaw Min, Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia kepada Puan Rohaizah Mohd Nasir sebagai wakil AKRAB Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) sempena Konvensyen Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) Kementerian Kesihatan Malaysia Tahun 2018 yang telah berlangsung pada 31 Oktober 2018 di Dewan Serbaguna, Kementerian Kesihatan Malaysia.



AKRAB DOA DALAM PROGRAM JATI DIRI

BAHAGIAN PEMBANGUNAN INDUSTRI TANAMAN (BPIT) JOHOR



11 DISEMBER 2018

Pihak BPIT Johor telah berbesar hati mengundang tiga orang AKRAB DOA bagi memenuhi slot program jati diri yang dianjurkan selama dua hari di Institut Veterinar Malaysia (IVM) serta Pusat Pertanian Ayer Hitam, Johor. AKRAB DOA yang terlibat adalah Pn. Zaza Izlin binti Mohd Razif yang telah menyampaikan ceramah bertajuk 'Exit Policy' selama dua jam kepada peserta untuk memberi pemahaman tentang perlaksanaan polisi ini di peringkat penjawat awam. Bagi slot Aplikasi Terapi Seni Ekspresif' diketuai oleh En. Zulkifli bin Yunos dibantu oleh Pn. Zaza Izlin dan Tn. Hj Mohd Zahid bin Hassan sebagai Fasilitator. Sesi ini dilihat membantu para peserta menterjemahkan konflik, harapan dan impian masing-masing melalui satu proses kreatif yang dapat mencerminkan emosi dan maksud dalam bentuk lukisan. Berdasarkan lukisan yang dihasilkan, pelbagai huraian yang dapat diolah oleh AKRAB dari segi warna yang digunakan, ruang dan sudut lukisan, bentuk lukisan, gambaran, serta elemen -elemen lain yang terlibat. Terapi ini dilihat sebagai satu kaedah rehabilitasi yang relevan digunakan kepada klien bagi menggantikan kaedah verbal mengikut keselesaan klien. Pihak AKRAB DOA berbesar hati menerima undangan ini dan semoga ilmu yang dikongsi dapat membawa manfaat bersama.



CSR AKRAB Jabatan Pertanian Kepada Warga DOA

Lawatan ke atas Puan Nursiah telah berpindah ke Kuarters Serdang . Beliau telah ditimpa musibah. Dengan bantuan pihak Jabatan pegawai dapat memulakan kehidupan yang lebih baik. Ucapan terima kasih di atas sumbangan yang telah diberikan oleh warga Jabatan Pertanian yang sangat pemurah.



caknor Sahabat Johor

Oleh: Zaza Izlin binti Mohd Razif, Akrab Johor

04 Disember 2018 – AKRAB Johor diwakili Pn. Zaza Izlin binti Mohd Razif dan Tn. Hj. Zahid bin Hassan telah melaksanakan ziarah kepada dua orang kakitangan Jabatan Pertanian di Negeri Johor yang telah diuji dengan musibah kemalangan. Kakitangan tersebut adalah En. Zulkifli bin Abdullah, Pegawai Pertanian G 41 dari Bahagian Pengurusan & Pemuliharaan Sumber Tanah yang telah terlibat dengan kemalangan yang menyebabkan pergelangan tangan beliau retak. Walaubagaimanapun beliau telah menjalani rawatan susulan dan diberi cuti sakit untuk proses pemulihan.

Seorang lagi sahabat yang diziarahi adalah Tn. Haji amat Khri bin Mardi, Penolong Pegawai Pertanian G 36 dari Institut Pertanian Ayer Hitam yang turut mendapat kecelakaan dalam kemalangan melibatkan motorsikal yang ditunggangi. Beliau mengalami kecederaan di bahagian kaki kiri dan telah menjalani pembedahan untuk pemulihan bahagian tersebut. Tn. Haji Amat Khri merupakan seorang pakar rujuk dalam teknologi sistem fertigasi dan beliau akan mula berpencen pada hujung 2018 ini. Didoakan agar kedua – dua sahabat tersebut diberi ketabahan dan kesembuhan dalam ujian ini. Amin.



TERAPI URUTAN *STRESS*

Oleh : Zaza Izlin Binti Mohd Razif, Akrab Wilayah Selatan



Lazimnya, urutan selalu dikaitkan dengan aktiviti fizikal yang dapat mengurangkan kesakitan atau ketidakselesaan pada mana-mana bahagian anggota tubuh badan. Namun, kajian yang dibuat terhadap pelajar perubatan di Universiti Perubatan dan Perubatan Gigi New Jersey yang menerima terapi urutan sebelum memulakan peperiksaan turut mendapati bahawa terdapat penurunan yang signifikan pada tahap kecemasan dan kadar pernafasan, serta peningkatan yang signifikan dalam sel darah putih dan memberi manfaat kepada sistem imunisasi tubuh. Oleh yang demikian, urutan diiktiraf sebagai salah satu kaedah terapi yang wajar diberikan pilihan dalam menghadapi keadaan tekanan yang sukar dikawal. Antara lain-lain kebaikan terapi urutan adalah :

**OPTION
01**

Memecahkan angin yang tersekat di dalam tubuh badan

**OPTION
02**

Meningkatkan kelenturan & fleksibiliti sendi

**OPTION
03**

Mengurangkan kemurungan & kegelisahan

**OPTION
04**

Meningkatkan kecerdasan tubuh badan

Lakukan senaman berikut untuk merehatkan otot, melancarkan peredaran darah serta keselesaan bahagian tangan



Gosok perlahan bermula dari atas jari tangan hingga ke bawah tapak tangan



Gosok memanjang sepanjang lengan



Gosok hingga ke siku



Teruskan sehingga ke atas bahu

Ulangi di bahagian tangan sebelah lagi. Selesai urutan, tarik nafas dan lepaskan perlahan-lahan serta minum segelas air suam.

OFFER DARIPADA ALLAH!!



مَثَلُ الَّذِينَ يُنفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلَ فِي كُلِّ
سَبْلَةٍ مَا تَهُدُ حَبَّةٌ وَاللَّهُ يُصْنِعُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلَيْهِمْ ﴿٢٦﴾

Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya, lagi Meliputi ilmu pengetahuanNya.

(Al-Baqarah 2:261)

Kami kongsikan tips yang sangat berguna oleh Jabatan Keselamatan Jalan Raya kepada semua pemandu. Tips ini boleh menjadi panduan kepada kita terutamanya setelah seharian bertugas samada di pejabat mahupun di lapangan, pasti penat kan?

Semoga bermanfaat!



LETIH? JANGAN MEMANDU

Memandu antara jam 10 malam hingga subuh:

4X lebih berisiko untuk terlibat dalam kemalangan maut.



TIP MENGELOAKKAN letih ketika memandu

- Berhenti rehat setiap dua jam.
- Berhenti apabila penat atau tukar pemandu.
- Tidur seketika selama 20 minit.
- Sentiasa minum air yang mencukupi.

Source: MIROS



HATI-HATI KAWAN!!



Akhir-akhir ini selalu kita dengar kes-kes penipuan melalui panggilan telefon. *Scammer!* Ya, mereka adalah *scammer* yang berlakon sama ada sebagai anggota polis atau pegawai bank dan menelefon mangsa dengan modus operandi yang seolah-olah "real", yang mengakibatkan mangsa kerugian ribuan ringgit.

AKRAB ingin kongsikan maklumat pencegahan ini supaya menjadi peringatan untuk kita semua.

Tips:

Tak perlu jawab panggilan telefon jika anda ragu-ragu dengan nombor yang membuat penggilan ke telefon anda, jika ia penting, pasti mereka akan SMS atau WhatsApp anda tentang tujuan panggilan mereka. Sekadar langkah pencegahan.

Semoga bermanfaat ya!

Pernah tak anda terima panggilan telefon yang minta anda memberi maklumat peribadi anda seperti nombor kad pengenalan, *password*, ataupun nombor pin kad atm anda?

JANGAN PERCAYA mudah pada panggilan telefon ...

BEAT THE SCAMMERS

Polis / Makamah / SPRM / Kastam
yang beritahu anda terlibat dengan jenayah yang anda akan ditangkap yang anda boleh dikenakan hukuman gantung
KERANA ...
Polis tak telefon dulu penjenayah minta izin / beritahu nak tangkap.

BERTINDAK ...
Matikan panggilan telefon.
Pergi ke balai Polis berhampiran untuk bertanya. Malu bertanya, sesat jalan.
Tak salah, jangan takut.

Pegawai Bank Negara atau lain-lain Bank
yang beritahu anda ada tunggakan kad kredit / pinjaman yang sambungkan panggilan anda kepada Polis
LAGI JANGAN PERCAYA ...
Jika anda tak pernah daftar kad kredit atau buat loan dengan bank tersebut.
KERANA ...
Bukan masalah anda jika ada orang guna identiti anda untuk buat pinjaman / kad kredit. Masalah bank yang luluskan.
BERTINDAK ...
Matikan panggilan telefon.
Teruskan hidup dan berbanggalah kerana anda BIJAK.

#beSmart

BAHAYA!

Kami kongsikan pesanan daripada Bank Negara Malaysia berkaitan perkara ini sebagai langkah berhati-hati.

Ingatkan rakan-rakan anda yang lain juga supaya kita sama-sama dapat mengelak daripada penipuan ini.

BEWARE OF BOGUS CALLS AND MESSAGES

CLAIMING to be from a bank, utility provider or an enforcement agency

ASKING for you to reveal your personal pin number or password

TRANSFER funds under any pretext

IGNORE them because it is a scam.

NEVER entertain such requests.

DON'T become a victim.

When in doubt, please contact us

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SHALINK (Multi-In-Customer Service Centre)
Bank Negara Malaysia Kuala Lumpur (Block D, Jalan Dato' Onn, 54100 Kuala Lumpur, Malaysia)
and other SHALINK branches in Putrajaya, Johor Bahru, Penang, Kuala Terengganu, Kota Kinabalu and Kuching
Address: Block A and B, Menara 1 Putrajaya, 53100 Kuala Lumpur, Malaysia | Tel: +603 9054 1000

SHALINK (Multi-In-Customer Service Centre)
Bank Negara Malaysia Kuala Lumpur (Block D, Jalan Dato' Onn, 54100 Kuala Lumpur, Malaysia)
and other SHALINK branches in Putrajaya, Johor Bahru, Penang, Kuala Terengganu, Kota Kinabalu and Kuching
Address: Block A and B, Menara 1 Putrajaya, 53100 Kuala Lumpur, Malaysia | Tel: +603 9054 1000

1-300-88-5465

To submit SMS enquiries or complaints, type: **SHALINK**
and send to 18888


For more information please refer to the
Fraud and Consumer Alert available on
Bank Negara Malaysia website.

www.bnm.gov.my

TEHNIAH!!

ATAS KENAIKAN PANGKAT PEGAWAI-PEGAWAI DI JABATAN PERTANIAN BAGI TAHUN 2018 KE GRED G54, G52, G48 DAN G44.

Beberapa orang rakan AKRAB Jabatan Pertanian turut menerima watikah kenaikan pangkat kali ini. Syabas dan tahniah diucapkan. Semoga terus cemerlang dalam melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan.



Anugerah AKRAB CEMERLANG

Naziran kepada AKRAB Jabatan Pertanian telah berlangsung tahun ini pada 21 Mei 2018 oleh Pegawai Unit Psikologi MOA dan wakil AKRAB MADA. Tujuan naziran ini adalah untuk menambahbaik perkhidmatan AKRAB pada masa hadapan. 2 Orang rakan AKRAB kita turut dilantik untuk menjalankan naziran ini di MADA dan FAMA.

AKRAB Jabatan Pertanian telah mendapat **ANUGERAH AKRAB CEMERLANG** dalam naziran tersebut. Jutaan terima kasih kepada semua rakan AKRAB yang telah membantu sepanjang naziran ini dilaksanakan.

SYABAS AKRAB JABATAN PERTANIAN!
Semoga terus cemerlang di masa akan datang!



PENLIBATAN SECARA LANGSUNG DALAM SAMBUTAN MAHA 2018



Penutup tahun 2018 kali ini, Pengurus AKRAB Jabatan Pertanian terlibat secara langsung dengan sambutan Malaysia Agriculture, Horticulture & Agrotourism Show - MAHA 2018. Program yang berlangsung pada 22 November 2018 hingga 2 Disember 2018 ini mendapat sambutan yang sangat-sangat menggalakkan daripada pengunjung dari seluruh negara.

Usaha ini akan diteruskan untuk memantapkan industri pertanian negara kerana "our food is our future".

SENARAI NAMA RAKAN AKRAB

JABATAN PERTANIAN 2018

BIL	BAHAGIAN/ NEGERI	ALAMAT BERTUGAS	NAMA / JAWATAN / NO KEAHLIAN	GAMBAR	NO TELEFON /EMAIL
WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA					
1	W. P. Putrajaya	Bahagian Pembangunan Modal Insan, Aras 13, Wisma Tani, Lot 4G2, Presint 4, 62624 Putrajaya.	Johari Abdullah G54 A9123031		03 88703438 013 4161323 johari_a@doa.gov.my
2	W. P. Putrajaya	Bahagian Pembangunan Industri Tanaman, Aras 14, Wisma Tani, Lot 4G2, Presint 4, 62632 Putrajaya.	Normaizah Ismail@ Manaf G54 A9125813		03 88703208 012 9637474 normaizah@ doa.gov.my
3	W. P. Putrajaya	Pusat Pembangunan Komoditi, Kompleks Pertanain Serdang, Selangor	Fazlisyam Md Isa G48 A8033412		012-3979007 fazlisyam@ doa.gov.my
4	W. P. Putrajaya	Bahagian Pengembangan Pertanian & IAT, Aras 8, Wisma Tani, Lot 4G2, Presint 4, 62632 Putrajaya.	Herny Marini bt. Mhd Hisham G44 A11018515		019 3160050 03 88703551 herny@doa.gov.my
5	Putrajaya	Unit Integriti, Aras 14, Putrajaya	Yulfaizy binti Mohd Yusoff G44		03 8870 3147 012 3587104 yulfaizy@doa.gov.my
6	W. P. Kuala Lumpur	Bahagian Pengembangan Pertanian & IAT, Aras 8, Wisma Tani, Lot 4G2, Presint 4, 62632 Putrajaya.	Hayusri Faizal Idris G44 A8033712		013 6244855 hayusri@ doa.gov.my

7	W. P. Putrajaya	Bahagian Pembangunan Modal Insan, Aras 13, Wisma Tani, Lot 4G2, Presint 4, 62624 Putrajaya.	Rohaizah Mohamed Nasir G44 A9126213		03 88703257 017 7785405 rohaizah_mn@doa.gov.my
8	W. P. Putrajaya	Bahagian Pembangunan Industri Tanaman, Aras 14, Wisma Tani, Lot 4G2, Presint 4, 62632 Putrajaya.	Shabariah Ismail G41 A9126713		03 88703293 014 9322761 ismailshabariah@gmail.com
9	W. P. Putrajaya	Unit Integriti, Aras 14, Putrajaya.	Geetaa a/p Mathawan G41 A11018215		03 8870 3173/ 03 8870 3141 010 2662411 geethaa@doa.gov.my
10	W. P. Putrajaya	Bahagian Pembangunan Modal Insan, Aras 13, Wisma Tani, Lot 4G2, Presint 4, 62624 Putrajaya.	Hasaman bin Simbon G36 A9122213		03 88703255 016 2842160 hasanam@doa.gov.my
11	W. P. Putrajaya	Bahagian Pengurusan Sumber Tanah, Aras 9, Wisma Tani, Lot 4G2, Presint 4, 62624 Putrajaya.	Nor Mah Ahmad G32 A11020315		012 2344983 normah_a@do.gov.my
12	W. P. Putrajaya	Bahagian Pembangunan Industri Tanaman, Aras 14, Wisma Tani, Lot 4G2, Presint 4, 62632 Putrajaya.	Farah Idayu bt. Abdul Ghapar G29 A11018115		017 2320457 farahidayue87@yahoo.com
13	W.P. Putrajaya	Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman, Putrajaya	Hamdan bin Ali @ Nordin G29		013 2223243 hamdan@doa.gov.my
14	W. P. Putrajaya	Bahagian Pengurusan, Aras 11, Wisma Tani, Lot 4G2, Presint 4, 62624 Putrajaya.	Hasnan bin Awang W22 A8017712		0193756314 03 88703309 hasnan@doa.gov.my
15	W. P. Putrajaya	Unit Integriti, Aras 14, Putrajaya.	Che Norliza bt. Che Yusoff N19 A 11017915		016 3505018 chenorliza@doa.gov.my

16	W. P. Putrajaya	Bahagian Perancangan Strategik, Aras 16, Wisma Tani, Lot 4G2, Presint 4, 62632 Putrajaya.	Maszian bt Dol Rasol A7063211 Pembantu Tadbir (P/O) N19		012 7394954 03 99703051 maszian@doa.gov.my
----	-----------------	--	--	--	--

WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

17	W. P Kuala Lumpur	Bahagian Biosekuriti Tumbuhan, Jabatan Pertanian Malaysia, Jalan Gallagher, 50480 Kuala Lumpur.	Juliana Megat G52 A8033912		012 2014700 juliana@doa.gov.my
18	W.P. Kuala Lumpur	Bahagian Biosekuriti Tumbuhan, Jabatan Pertanian Malaysia, Jalan Gallagher, 50480 Kuala Lumpur.	Aishah Jafar G48 A212106		03 26977139 012 3896404 aishahjafar@gmail.com

JABATAN PERTANIAN NEGERI KEDAH

19	Kedah	Jabatan Pertanian Negeri Kedah, Seksyen Komunikasi, 06600 Jalan Kuala Kedah, Telok Chengai, Kedah.	Ahmad Nazeri Aziz A9120513		04 7775006 019 4405085 nazeriaziz@yahoo.com
20	Kedah	Pusat Latihan Pembangunan Pengembangan Wilayah Utara, Telok Chengai , 06600 Kuala Kedah, Kedah.	Zahid Bakar G32 A7052711		04 7714003 012 5319821 zahid@doa.gov.my

JABATAN PERTANIAN NEGERI PULAU PINANG

21	Pulau Pinang	Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang, Jalan Kulim, Cherok Tuk Kun 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang.	Shahbani Ismail G44 A6074510		04 5753487 013 4411839 shahbani@penang.gov.my
22	Pulau Pinang	Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang, Jalan Kulim, Cherok Tuk Kun 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang.	Abdul Hamid Tahir G36 A562009		04 5372144 019 4520735 abdhamid@penang.gov.my

JABATAN PERTANIAN NEGERI PERAK

23	Perak	Institut Pertanian Titi Gantong, Kompleks Pertanian Titi Gantong, 32600 Bota, Perak.	Tun Ihsan Abdul Karim S29 A9127413		05 3761244 017 5151737 ihsan_alhafiz@yahoo.com
----	-------	---	--	--	--

JABATAN PERTANIAN NEGERI SELANGOR

24	Selangor	Jabatan Pertanian Sabak Benam, Kompleks Pejabat Daerah Sabak Bernam, 45300 Sungai Besar, Selangor.	Fauzi Md Yatim G36 A6067310		03 32242306 019 2721797 fauzi_mdyatim@ yahoo.com
25	Selangor	Institut Latihan Pengembangan Pertanian, Beg Berkunci 211 43400 Serdang, Selangor.	Rosli Yaacob G32 A539009		03 89489070 019 4748789 rosli_y@doa.gov.my

JABATAN PERTANIAN NEGERI SEMBILAN

26	Negeri Sembilan	Jabatan Pertanian Negeri Sembilan, Tingkat 3, Blok D, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan.	Rozli Azizi Talib G44 A9126313		06 7639337 012 2808579 rozliazizi@yahoo.com.my
27	Negeri Sembilan	Jabatan Pertanian Negeri Sembilan, Tingkat 3, Blok D, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan.	Nor Haslina Nor Rizan G44 A9125313		06 7659765 (tel) 019 3538089 norhaslina@doa.gov.my
28	Negeri Sembilan	Jabatan Pertanian Negeri Sembilan, Tingkat 3, Blok D, Wisma Negeri, 70450 Seremban, Negeri Sembilan.	Yahya Abdul Muttalib G36 A6073210		06 7659760 019 6619752 yahyam@ns.gov.my
29	Negeri Sembilan	Jabatan Pertanian Negeri Sembilan, Tingkat 3, Blok D, Wisma Negeri, 70450 Seremban, Negeri Sembilan.	Norasid bin Othman G36 A11020615		019 3670919 norasid@ns.gov.my

JABATAN PERTANIAN NEGERI JOHOR

30	Johor	Institut Pertanian Ayer Hitam (IPS), Jabatan Pertanian, Beg Berkunci 101, 86100 Ayer Hitam, Johor.	Alang Mad Daud G52 A7050611		07 7581161 012 7566530 aleakuanttan@yahoo.com
31	Johor	Jabatan Pertanian Negeri Johor Aras 1, Bangunan Dato' Muhammad Ibrahim Munsyi, Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri Johor, Kota Iskandar 79000 Bandar Nusajaya, Johor.	Farhana Hafizah Hamdan Mustafa G44 A9031213		07 2666707 012 2754665 farhana.hafizah@johor.gov.my

32	Johor	Jabatan Pertanian Negeri Johor Aras 1, Bangunan Dato' Muhammad Ibrahim Munsyi, Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri Johor, Kota Iskandar 79000 Bandar Nusajaya, Johor.	Mohamad Kasmuri G36 A9031913		07 2666707 019 7561440 mohamad.kasmuri@johor.gov.my
33	Johor	Jabatan Pertanian Negeri Johor Aras 1, Bangunan Dato' Muhammad Ibrahim Munsyi, Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri Johor, Kota Iskandar 79000 Bandar Nusajaya, Johor.	Norlijah Mohd Raduan G32 A10028114		07 2666707 0197394440 norlijah@johor.gov.my
34	Johor	Bahagian Hortikultur, Jabatan Pertanian Parit Botak, Johor	Mohd Zahid bin Hassan G32 A11019915		012 7306811 hjzahidhassan@gmail.com

JABATAN PERTANIAN NEGERI KELANTAN

35	Kelantan	Bahagian Hortikultur, Beg Berkunci No 22, 15990 Kota Bharu, Kelantan.	Azuan Abdullah G48 A9121513		09 7442400 017 9098686 azuan_wts@yahoo.com
36	Kelantan	Pejabat Pertanian Jajahan Bachok, 16300 Bachok, Kelantan.	Mohd Nazly Mohd Rejal G44 A7051311		09 7788267 (T) 09 7783314 (F) 019 9885966 nazly@doa.gov.my
37	Kelantan	Jabatan Pertanian Negeri Kelantan Lundang, 15990 Kota Baharu, Kelantan.	Azimah Mohd Zain G48 A9000513		09 7442400 019 9335166 azimah@doa.gov.my

JABATAN PERTANIAN NEGERI TERENGGANU

38	Terengganu	Jabatan Pertanian Negeri Terengganu, Tkt 5, Wisma Negeri, 20632 Kuala Terengganu, Terengganu.	Nik Mohd Haizul Nik Supian G44 A9124813		09 6222444 019 9839453 nikhaizul@yahoo.com
39	Terengganu	Unit Padi, Tanaman Industri dan Florikultur, Kompleks Pertanian Gerai, 22000 Jerteh, Terengganu	Nazmi bin Salleh G32 A11020015		013 9301773 naz_sal@ymail.com nazmisalleh.ns52@gmail.com

JABATAN PERTANIAN NEGERI PAHANG

40	Pahang	Pejabat Pertanian Bentong, 28700 Bentong Pahang	Norazlina binti Ismail G41 A12009117 Lantikan : 7/3/2017		019 6190207 norazlinabentong@gmail.com
41	Pahang	Jabatan Pertanian Negeri Pahang, Ting. 6 & 7, Kompleks Tun Razak, Bandar Indera Mahkota, 25990 Kuantan, Pahang.	Zulkifli Yunus G36 A7111911		09 5733133 09 5733649 019 5218779 rosenela72@yahoo.com.my